

20 OCT 1998

Jepun-Yen

"MR YEN" MEMBERI AMARAN KEMUNGKINAN EKONOMI JEPUN MERUDUM

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 20 Okt (Bernama) -- Orang yang digelar oleh media antarabangsa sebagai "Mr Yen" hari ini memberi amaran kepada seluruh Asia akan senario yang "benar-benar buruk" jika ekonomi Jepun merudum.

Naib Menteri Kewangan Jepun Eisuke Sakakibara berkata, agenda paling penting bagi negaranya iaitu ekonomi kedua terbesar di dunia yang kini menghadapi kemelesetan paling teruk sejak perang dunia, ialah memulihkan semula ekonominya.

Sakakibara, yang dilihat sebagai anggota kerajaan yang paling kuat mempertahankan mata wang Yen yang pendapatnya boleh menggerakkan pasaran berkata, dana asing dan dan wang awam perlu disuntik dengan segera dan sebanyak yang mungkin dengan cepat untuk mengelakan masalah kewangan sedunia yang akan menyebabkan kesan teruk khasnya kepada negara-negara Asia.

"Jepun kini dalam laluan pemulihan yang sukar. Jika Jepun merudum, ia pasti membawa kesan buruk kepada seluruh Asia," kata beliau dalam satu seminar yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sakakibara juga memberitahu Dr Mahathir yang duduk di sebelahnya bahawa spekulator mata wang antarabangsa George Soros akan menerbitkan sebuah buku bulan depan yang nampaknya bersetuju dengan pendapat Dr Mahathir yang spekulasi mata wang boleh memusnahkan ekonomi.

Soros pernah dibidas oleh Dr Mahathir kerana aktiviti spekulasi mata wangnya dianggap sebagai punca kejatuhan nilai mata wang beberapa negara Asia.

"Sistem kewangan barat kini di persimpangan dan ekonomi Jepun menghadapi krisis paling serius sejak Perang Dunia II dan prospek sekatan kredit seluruh dunia".

Beliau berkata, bank-bank Jepun mengalami sekatan kredit yang teruk dan bagi Jepun ini perkara yang paling penting padanya.

"Apa yang ini bermaksud ialah modal tidak akan melepasi sempadan dan akan berada dalam negara," dan menambah kata yang kini sudah tiba masa bagi sektor awam untuk menyelamatkan keadaan dengan melengkapkan dan menambahkan dana perbankan.

Sektor swasta kini perlu memainkan peranan lebih besar bagi merangsangkan ekonomi dan menyuntik wang ke dalam bank secepat mungkin, kata beliau.

Sakakibara berkata, oleh itu Jepun menjanjikan pakej bantuan bagi Asia bernilai AS\$30 bilion seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Kiichi Miyazawa di mesyuarat Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington.

Beliau berkata, Jepun berharap dapat mengedarkan wang itu secepat mungkin untuk menghidupkan semula ekonomi Asia yang lembap.

"Saya bersetuju dengan Dr Mahathir yang Jepun ialah negara meleset terkaya," kata naib menteri itu mengulas pendapat yang Jepun dengan rizab asing yang besar dan kelebihan dagangan mampu menawarkan lebih banyak lagi.

Tetapi Sakakibara berkata, ekonomi Jepun sendiri memerlukan bantuan dan oleh itu banyak wang akan digunakan untuk menghidupkan ekonomi dalam negeri yang sangat penting bagi pemulihan ekonomi Asia.

Beliau berkata, ekonomi Amerika Syarikat juga merosot sementara ekonomi Eropah menguncup dan Amerika Selatan pula menghadapi "masalah serius terdedah kepada bahaya dan risiko".

Pada pendapatnya, jika Asia yang pertama dilanda krisis ekonomi tahun lepas keluar daripadanya dahulu, maka Asia juga boleh menjadi yang pertama untuk menyokong pemulihan ekonomi dunia.

Beliau juga menyifatkan langkah Malaysia untuk memperkenalkan kadar pertukaran tetap bagi mata wangnya sebagai langkah berani, dengan berhujah yang pasaran tidak dapat menyelesaikan semua masalah dan dunia sehingga ini tidak dapat capai kata sepakat mengenai rejim pertukaran yang terbaik.

Dr Mahathir memberitahu forum yang dianjurkan oleh akhbar kumpulan Mainichi Shimbun yang masalah dengan manusia ialah mereka mempunyai minda yang tetap mengenai sistem kewangan dunia.

Beliau berkata, dalam kes urus niaga mata wang, duit yang begitu banyak diperdagangkan sebenarnya tidak wujud walaupun urus niaga itu dianggarkan 20 hingga 30 kali lebih berbanding perdagangan dalam barangan dan perkhidmatan.

Beliau berkata di Malaysia, jumlah wang sebenar dalam peredaran ialah hanya bernilai RM20 bilion.

Sakakibara berkata, oleh itu Jepun menjanjikan pakej bantuan bagi Asia bernilai AS\$30 bilion seperti yang diumumkan oleh Menteri Kewangan Kiichi Miyazawa di mesyuarat Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia di Washington.

Beliau berkata, Jepun berharap dapat mengedarkan wang itu secepat mungkin untuk menghidupkan semula ekonomi Asia yang lembap.

"Saya bersetuju dengan Dr Mahathir yang Jepun ialah negara meleset terkaya," kata naib menteri itu mengulas pendapat yang Jepun dengan rizab asing yang besar dan kelebihan dagangan mampu menawarkan lebih banyak lagi.

Tetapi Sakakibara berkata, ekonomi Jepun sendiri memerlukan bantuan dan oleh itu banyak wang akan digunakan untuk menghidupkan ekonomi dalam negeri yang sangat penting bagi pemulihan ekonomi Asia.

Beliau berkata, ekonomi Amerika Syarikat juga merosot sementara ekonomi Eropah menguncup dan Amerika Selatan pula menghadapi "masalah serius terdedah kepada bahaya dan risiko".

"Sebenarnya urus niaga mata wang ialah dalam bentuk angka-angka di skrin komputer. Sebenarnya tiada wang dipindahkan".

Dr Mahathir berkata Long Term Capital Management iaitu dana lindung nilai yang berpejabat di Amerika yang meredum baru-baru ini, mempunyai modal AS\$4 bilion tetapi mengurus niaga berkali ganda.

"Jika urus niaga berkali ganda itu dihentikan, sekurang-kurangnya masalah itu lebih terkawal. Mereka sebenarnya tidak mengurus niaga dengan duit sebenar, urus niaga mata wang sebenarnya urusniaga maya tetapi masalah yang disebabkannya sangat-sangat benar".

Pengerusi Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun (Jetro) Noboru Hatakeyama berkata, Amerika syarikat seharusnya terus mengurangkan kadar faedah untuk membantu dunia pulih dan juga mengelakan daripada mengenakan peraturan anti longgok.

Beliau berkata, Amerika mengekalkan kadar faedah yang tinggi supaya nilai dolar menarik sementara langkah-langkah anti longgok dalam industri besi memberi kesan buruk kepada industri itu.

Ditanya oleh seorang wartawan Pakistan jika Dr Mahathir berpendapat sistem perbankan tanpa faedah boleh menyelesaikan masalah pasaran bebas kapitalis, Dr Mahathir berkata Malaysia mengamalkan sistem perbankan tanpa faedah dan juga dengan faedah dengan kejayaan yang memberangsangkan.

Beliau berkata, sehinggakan syarikat-syarikat Eropah di Malaysia meminjam daripada sistem tanpa faedah tetapi beliau tidak pasti jika sistem itu dapat dilindungi daripada urus niaga mata wang.

"Sistem tanpa faedah masih belum memajukan pelbagai instrumen kewangan dan saya tidak berpendapat ia penyelesaian kepada masalah dunia buat masa ini," katanya.

-- BERNAMA
AU PR